

CNS0992

R GB 02-12 00202 BA514

bah

MAHATHIR DI ST LUCIA

MAHATHIR - CARRIBBEAN

Daripada Donald Baptist

T

CASTRIES (St Lucia), 2 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini semalam untuk lawatan tiga hari bertujuan mempereratkan hubungan persahabatan dengan **negara-negara** kepulauan Carribean.

Perdana Menteri juga akan mengambil kesempatan mengkaji secara terperinci keadaan ekonomi negara-negara berkenaan dan meninjau aktiviti pelancongan yang mungkin memberi faedah kepada industri pelancongan Malaysia.

Beliau dijadualkan mengadakan perbincangan **dengan** Perdana Menteri St. Lucia, John Compton dan beberapa pemimpin **karajaan** serta memberi taklimat kepada sektor swasta di sini pada jamuan **makan** tengah hari esok.

Dengan diiringi oleh Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti **Hasmah'** Mohamed Ali, ketibaan beliau dengan pesawat khas dari Martinique, sebuah lagi pulau di rantau ini, di sambut oleh Encik Crompton di Lapangan Terbang Vigie. Beliau berehat sehari di Martinique selepas menghadiri sidang kemuncak kedua negara-negara membangun G-15 di **Caracas, Venezuela** dari 27 Nov hingga 29 Nov.

Datuk Seri Dr Mahathir memberitahu paca pemberita Malaysia yang membuat liputan lawatan itu, walaupun kepulauan Carribean tidak begitu berpotensi dalam penawaran peluang perdagangan, Malaysia tidak seharusnya melihat hanya daripada segi peluang perdagangan dalam hubungannya dengan negara-negara lain. -- Lagi

▼02/12/10-32MST

CNS1015

U GB 02-12 00161 BA515

bah

Mahathir - Caribbean 2 Castries

+Kita perlu berbaik-baik dengan negara-negara ini dan mungkin membantu mereka atau, jika kita perlukan sahabat, kita akan ada sahabat, + katanya.

Beliau berkata hubungan Malaysia dengan negara-negara kepulauan Carribean pada masa lepas adalah di tahap yang rendah atau tiada langsung kecuali melalui perjumpaan dengan para pemimpinnya di mesyuarat antarabangsa atau di persidangan-persidangan Komanwel.

+Jika banyak yang mereka perlu tahu mengenai kita, begitu juga yang kita perlu tahu mengenai mereka, + katanya sambil menjelaskan bahawa pengetahuan tentang negara-negara Carribean dan men jadi kan mereka sebagai sahabat merupakan sesuatu yang berfaedah.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata kepulauan itu telah berjaya membangunkan industri pelancongannya, **lehih** lama daripada Malaysia dan adalah jelas mereka beruntung daripada segi lokasi mereka.

+Mereka bukan sahaja berjaya membina **hotel-hotel** yang berharga sederhana tetapi juga **yang** menarik perhatian pelancong dan Malaysia, yang banyak persamaan dengan dunia sebelah sini, boleh mempelajari dari kejayaan mereka, + katanya. -- Lagi

▼02/12/11-17MST

R GB 02-12 00160 BA516

bah

Mahathir - Caribbean 3 Castries

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata setakat ini belum ada rancangan segera untuk mempertingkatkan pelancongan dari Malaysia ke Caribbean, kemungkinannya merupakan objektif jangka panjang.

+Kita sedang memajukan pelancongan dengan Mexico dan Amerika Latin dan suatu hari nanti bila kita terbang ke Amerika Latin, kita tidak begitu merasa jauh lagi dari dunia sebelah sini.

+Suatu hari nanti pelabur dari Malaysia mungkin mengambil bahagian dalam projek pelancongan di Caribbean tetapi buat masa ini kawasan ini terlalu jauh, tambahan pula masih banyak peluang di Malaysia dan negara-negara lain, katanya.

Terdapat juga kemungkinan kajian dibuat ke atas cara-cara yang digunakan dalam industri pelancongan di rantau ini memandangkan ia begitu bergantung kepada sektor itu.

Sebaliknya, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau diberitahu bahawa negara-negara kepulauan ini begitu berminat untuk menceburi bidang akuakultur dan Malaysia boleh menawarkan kepakaran di bidang ini jika mereka perlukan bantuan. -- Lagi

▼02/12/11-30MST

R GB 02-12 00171 BA517

bah

Mahathir - Caribbean 4 (akhir) Castries

Bidang-bidang lain yang Malaysia boleh menawarkan bantuan ialah berhubung pentadbiran dan kewangan, kata beliau.

Daripada segi perdagangan pula, Datuk Seri Dr Mahathir berkata pada keseluruhannya negara-negara Caribbean mempunyai jumlah penduduk yang ramai tetapi Malaysia perlu mengkaji pasaran dahulu untuk memastikan harangan buatan Malaysia boleh dipasarkan di rantau ini.

St. Lucia, pulau kedua terbesar di kepulauan Windward, terletak antara Martinique dan St. Vincent. Ia cuma besar sediikit daripada Singapura.

Pulau itu di temui oleh Christopher Columbus pada 1502 semasa pelayarannya yang keempat dan terakhir ke Amerika Barat. Pemerintahan pulau itu bertukar tangan antara Perancis dan Britain tidak kurang 4 kali.

Perancis menyerahkan hak ke atas pulau itu kepada Britain melalui Perjanjian Paris pada 1814 dan St. Lucia diberi kebenaran mentadbir kerajaan sendiri pada 1967 dan mendapat kemerdekaan pada Februari 1979.

Ia merupakan negara anggota Komanwel dengan sumber utama ekonomi melalui pertanian seperti pisang, kelapa, koko dan limau, selain pelancongan dan pembuatan. -- Bernama

▼02/12/11-41MST